



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**PROGRAM SEMARAK AIDILFITRI  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**24 APRIL 2025**

**DEWAN SERI SIANTAN  
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ  
الْمَرْسِلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

**Yang Berbahagia Datuk Seri Noridah –**  
**Ketua Pengarah**

**Dato' Fadlun – Presiden Perbadanan**  
**Putrajaya**

**Encik Sukuran – CEO Perbadanan Labuan**

**Encik Ismadi** – PE Sosioekonomi DBKL

**Encik Hanif** – Pengurus MAIWP Putrajaya

**Datuk Faisal** – Pengerusi MPP Putrajaya

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dimuliakan.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam suasa penuh kemesraan dan keberkatan pada pagi ini dalam program Semarak Aidilfitri edisi Putrajaya. Jika sebelum ini kita telah pun laksanakan Semarak Aidilfitri ini di Labuan dan Kuala Lumpur, hari ini kita anjurkan pula di Putrajaya. Orang kata: *we save the best for last.*

2. Semarak Aidilfitri ini adalah program tahunan kami di Jabatan Wilayah Persekutuan di mana ia merupakan satu lambang bahawa Wilayah Persekutuan ini sentiasa hidup dengan semangat kebersamaan, ukhuwwah dan juga penghargaan terhadap setiap insan yang menjadi sebahagian daripada nadi kota ini.

3. Tahniah kepada Jabatan Wilayah Persekutuan, dan untuk edisi kali ini dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, atas kejayaan meneruskan tradisi rumah terbukan seperti ini. Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kerana sentiasa bekerja keras dalam memastikan Putrajaya ini bukan hanya sekadar sebuah pusat pentadbiran negara, tetapi juga menjadi sebuah bandar yang bersifat manusiawi, berdaya huni dan penuh dengan pengertian terhadap realiti hidup rakyat.

**LEBARAN TUNTUT JIWA TERUS  
MENYANTUNI GOLONGAN  
MEMERLUKAN**

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

4. Suasana lebaran ini hadir membawa kepada kita kepada makna sebuah kemenangan yang lebih besar, bukan hanya pada jasad yang berjaya menahan lapar dan dahaga sahaja, bahkan ia menuntut jiwa setiap insan itu untuk belajar memberi ruang dan rasa kepada orang lain, khususnya kepada yang memerlukan.

5. Disinilah lahirnya kekuatan masyarakat, apabila kita saling memahami dan menghargai peranan setiap individu tanpa mengira latar belakang mereka.
  
6. Putrajaya hari ini tidak hanya dihuni oleh penjawat awam dan pembesar negara sahaja, tetapi juga oleh mereka yang bekerja di balik tabir, termasuklah petugas-petugas kebersihan, pengawal keselamatan, penghantar makanan, peniaga-peniaga kecil dan pekerja-pekerja sokongan. Mereka ini lah yang turut menyempurnakan wajah bandar Putrajaya ini, dan hari ini kita turut menghargai mereka tanpa terkecuali.

7. Sepanjang Ramadan yang lalu, pelbagai inisiatif kita telah gerakkan, dari program Ihya' Ramadan, agihan bubur lambuk, sehinggalah ke pengurusan Bazar Ramadan yang lestari. Saya percaya kesemua pendekatan yang kita laksanakan ini secara tidak langsung menyentuh kehidupan rakyat dan inilah juga yang menjadikan Putrajaya bukan hanya cantik di mata, malah juga tenang di jiwa.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

8. Pada hari ini juga, sebentar nanti, kita akan mengagihkan sumbangan zakat wang tunai kepada 500 orang penerima dalam kalangan asnaf dan golongan kurang mampu di Putrajaya, hasil kerjasama strategik tahun demi tahun di antara JWP dan MAIWP. Terima kasih MAIWP yang menjadi pemegang hasil amanah para pembayar zakat di Wilayah Persekutuan. Saya harapkan semoga dengan sumbangan ini serba sedikit dapat meringankan beban tuan-tuan dan puan-puan.

9. Saya sentiasa percaya, pembangunan Wilayah Persekutuan ini, termasuk Putrajaya, harus bergerak seiring di antara pembangunan fizikal dan manusiawi. Kita perlu memastikan sebaik yang mungkin, kita berterus-terusan menyantuni mereka yang sememangnya memerlukan bimbingan kewangan. Ini tugas dan tanggungjawab kita bersama, bukan hanya Kerajaan, malah pihak swasta, NGO dan juga rakyat terbanyak turut perlu bersama-sama memainkan peranan ini.

10. Dalam kita sibuk membina bandar yang moden dan canggih, kita juga tidak pernah lupa dengan nilai yang mendasari ketamadunan. Petikan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah an-Nahl ayat 90, mafhumnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan...”. Jadi, inilah asasnya. Kerana tanpa adil dan kebaikan, kemajuan ini hanyalah bayang-bayang kosong tanpa sebarang makna.

11. Justeru, saya ingin menyeru agar kita semua, baik di pentas pentadbiran mahupun dalam lapangan masyarakat, terus memegang kemas semangat untuk memberi, mendengar dan menyantuni. Inilah nilai yang menjadikan negara kita dan kota ini terus hidup dengan makna yang jelas, iaitu keterangkuman dan ihsan – di mana setiap insan itu berasa dihargai dan disantuni.

12. Semoga Syawal ini menyatukan hati-hati kita, membuka ruang yang lebih luas untuk kasih sayang, dan memperkuat ikatan sebagai sebuah komuniti. Taqaballahu minna waminkum. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah  
wassalamu'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.